

1. **Syarat-syarat Am**

- 1.1 Satu papan tanda yang menunjukkan nama tuan bangunan, nama arkitek, jurutera perunding, pemborong, nombor fail/ pelan dan tarikh kelulusan hendaklah dipamerkan di kawasan pembinaan dan ditulis dalam Bahasa Malaysia.
- 1.2 Butir-butir *R.C roof truss* berserta kiraan dan keputusan *test pile* hendaklah disediakan dan disahkan oleh Jurutera yang berkeelayakan.
- 1.3 Pelan-pelan berikut perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja-kerja pembinaan dimulakan :-
 - 1.3.1 Pelan Kerja Tanah.
 - 1.3.2 Pelan Jalan Dan Parit.
 - 1.3.3 Pelan Sistem Pembentukan.
- 1.4 Pembinaan pagar tepi jalan yang diluluskan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-
 - 1.4.1 Kebenaran ini diberi atas dasar sementara sahaja.
 - 1.4.2 Pada bila-bila masa jika sekiranya pihak berkuasa bercadang untuk melebarkan jalan, longkang atau lain-lain maka pembinaan hendaklah dirobohkan tanpa sebarang ganti rugi.
- 1.5 Sekiranya ada kerosakan jalan, longkang atau harta Kerajaan, ianya hendaklah dibaiki dengan kadar segera. Selewat-lewatnya dalam tempoh 7 hari dari tarikh kerosakan berlaku.
- 1.6 Air kotor kumbahan dari bangunan tidak dibenarkan mengalir ke longkang tepi jalan yang sediaada.
- 1.7 Kerja-kerja bagi bangunan itu adalah dilarang dimulakan selagi tuan/ puan tidak memberitahu kepada Majlis dengan mengemukakan Borang B, **4** hari terlebih dahulu sebelum kerja-kerja itu hendak dimulakan.
- 1.8 Bahan-bahan bangunan dilarang diletakkan di jalan-jalan raya, jalan-jalan kaki lima dan lorong belakang tanpa surat kebenaran permit dari Majlis, yang mana kegagalan berbuat demikian, tindakan undang-undang akan diambil.
- 1.9 Kelulusan permohonan ini diakui sah untuk tempoh **12 bulan** dari tarikh pelan kelulusan.
- 1.10 Pihak perunding perlu mengemukakan (Borang B) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kelulusan pelan bangunan, kegagalan untuk memulakan kerja dalam tempoh tersebut akan menyebabkan pelan kelulusan terbatal secara serta-merta.

2. **Syarat-syarat Semasa Pembinaan**

- 2.1 Kawasan pembinaan hendaklah dipagar dengan '**metal cladding setinggi 12 kaki**' dan pelan tersebut perlu kelulusan majlis terlebih dahulu. Pastikan habuk-habuk dan bahan-bahan binaan tidak bertaburan dan membuat kacauganggu kawasan sekeliling. 'safety netting' perlu dipasang jika perlu dan 'scaffolding' perlu direkabentuk oleh jurutera berlesen.
- 2.2 Pelan-pelan pagar pelindung, pejabat tapak, stor, bangunan kemudahan pekerja seperti rumah pekerja, bilik air dan kantin hendaklah dikemukakan kepada Majlis untuk kelulusan

dan segala pembinaan hendaklah mengikut pelan yang diluluskan serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

- 2.3 Kerja-kerja cerucuk dan pembinaan hanya dibenarkan pada 8.00 pagi ~ 5.00 petang. **Kerja-kerja tersebut pada hari Ahad dan cuti-cuti am adalah dilarang.** Hanya pelantak jenis hidraulik (**hydraulic hammer**) sahaja dibenarkan. Pihak tuan juga hendaklah mengurangkan kadar bunyi bising dan mengambil langkah-langkah tertentu daripada gangguan-gangguan disekeliling tapak.
- 2.4 Pihak pemaju dimestikan menyediakan 'water trough' dan 'water jet' serta pastikan tayar kenderaan yang keluar masuk dibersihkan dahulu.
- 2.5 Hendaklah menjaga kebersihan jalan keluar masuk ke tapak pembinaan dan jalan-jalan disekitarnya.
- 2.6 Semasa kerja-kerja hendak dan sedang dijalankan di tapak projek pembangunan, pihak tuan hendaklah mengemukakan beberapa borang yang termaktub dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam mengikut Peringkat Pelaksanaan seperti berikut:-

2.6.1 Peringkat Memulakan Kerja.

- a) Borang B (Notis memulakan Kerja/Penyambungan Semula Kerja Bangunan)

2.6.2 Peringkat Penyiapan Substruktur.

- a) Borang G1 (Perakuan Berperingkat : Kerja Kerja Tanah)
- b) Borang G2 (Perakuan Berperingkat : Pemancangan Tanda)
- c) Borang G3 (Perakuan Berperingkat : Asas Tapak)

2.6.3 Peringkat Superstruktur.

- a) Borang G4 (Perakuan Berperingkat : Struktur)
- b) Borang G5 (Perakuan Berperingkat : Pepaipan Air Dalam)
- c) Borang G6 (Perakuan Berperingkat : Pepaipan Sanitari Dalam)
- d) Borang G7 (Perakuan Berperingkat : Elektrikal Dalam)
- e) Borang G8 (Perakuan Berperingkat : Menentang Kebakaran [Pasif])
- f) Borang G9 (Perakuan Berperingkat : Menentang Kebakaran [Aktif])
- g) Borang G10 (Perakuan Berperingkat : Pengudaraan Mekanikal)
- h) Borang G11 (Perakuan Berperingkat : Pemasangan Lif/ Eskalator)
- i) Borang G12 (Perakuan Berperingkat : Bangunan)

2.6.4 Peringkat Perkhidmatan Luaran dan Dalam.

- a) Borang G13 (Perakuan Berperingkat : Sistem Bekalan Air Luaran)
- b) Borang G14 (Perakuan Berperingkat : Retikulasi Pembentukan)
- c) Borang G15 (Perakuan Berperingkat : Loji Rawatan Pembentukan)
- d) Borang G16 (Perakuan Berperingkat : Sistem Bekalan Elektrik Luaran)
- e) Borang G17 (Perakuan Berperingkat : Jalan dan Parit)
- f) Borang G18 (Perakuan Berperingkat : Lampu Jalan)
- g) Borang G19 (Perakuan Berperingkat : Parit Luaran Utama)
- h) Borang G20 (Perakuan Berperingkat : Telekomunikasi)
- i) Borang G21 (Perakuan Berperingkat : Landskap)

- 2.7 Pihak Majlis berhak membuat pemeriksaan di tapak binaan berdasarkan kepada perakuan yang dikeluarkan dalam Borang di Para 2.6 di atas. Dakwaan akan dibuat dan laporan kepada badan-badan kawalselia berkaitan sekiranya pihak tuan mengemukakan perakuan yang salah.

- 2.8 Pastikan tidak ada kerosakan jalan, longkang atau harta kerajaan dibuat. Pihak kontraktor hendaklah membaiki segala kerosakan tersebut.
- 2.9 Pastikan habuk-habuk dan bahan-bahan tidak bertaburan dan menimbulkan kacauganggu kepada kawasan sekeliling.
- 2.10 Bahan-bahan dilarang diletakkan di jalan-jalan raya, jalan-jalan kaki lima dan lorong belakang tanpa surat kebenaran dan permit meletakkan barang binaan dari Majlis, yang mana kegagalan berbuat demikian tindakan Undang-undang akan diambil.
- 2.11 Setelah kerja-kerja pembinaan siap pastikan kawasan sekeliling dibersihkan. Sisa-sisa bahan-bahan binaan dilarang dibuang merata-rata dan pihak kontraktor dipertanggungjawabkan untuk kerja-kerja pembersihan tersebut.
- 2.12 Pihak kontraktor dikehendaki memastikan tapak serta kawasan pembinaan bersih dan bebas dari nyamuk AEDES. Pihak Majlis akan mengambil tindakan yang tegas serta menutup tapak pembinaan/ projek tersebut jika perkara di atas tidak dipatuhi sepenuhnya.

Perhatian :

i) Pengeluaran Borang 'F' (Perakuan siap Dan Pematuhan)

Pengeluaran Borang 'F' (Perakuan siap Dan Pematuhan Undang-Undang Kecil 25A) hendaklah diberi ke atas bangunan yang dibina mengikut kelulusan Majlis sahaja dan salinan Borang F hendaklah diberi kepada Pihak Majlis.

- ii) Kegagalan mematuhi kehendak-kehendak di atas Majlis akan menyenaraihitamkan bagi arkitek/ pelukis pelan berdaftar dan juga kontraktor yang terlibat.
- iii) Tuan bangunan dinasihatkan supaya memastikan perunding dan kontraktor mematuhi syarat-syarat di atas dan memberi kerjasama kepada Majlis.
- iv) Majlis berhak menambah apa-apa syarat tambahan dari masa ke semasa dan juga mengambil tindakan undang-undang jika tedapat sebarang masalah yang timbul.
- v) Majlis berhak membatalkan kelulusan pelan yang diberi sekiranya pembinaan dibuat tidak mengikut pelan yang diluluskan.

Sekian dan terima kasih.